

01 NOV 2001

Syed Hamid-Bahrain

BAHRAIN MAHU ERATKAN HUBUNGAN DENGAN ASEAN

PUTRAJAYA, 1 Nov (Bernama) -- Bahrain berminat menjadikan Malaysia sebagai batu loncatan dalam usaha mengeratkan hubungan dengan negara-negara Asia Timur terutama di rantau Asia Tenggara.

Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa bin Salman al-Khalifa yang dalam rangka lawatan dua hari ke sini malah telah meminta kerjasama rakan sejawatnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyuarakan hasrat Manama itu pada sidang kemuncak Asean di Brunei Darussalam tidak lama lagi.

Dalam taklimat mengenai perjumpaan sejam antara kedua-dua pemimpin di sini hari ini, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata: "Mereka berharap melalui Malaysia, mereka dapat menjalin hubungan dengan negara-negara Asia Timur dan Asia Tenggara."

Katanya, Bahrain dan Malaysia juga akan melihat kepada kemungkinan mengadakan kerjasama dalam bidang pendidikan, perubatan dan perkhidmatan udara.

Hubungan Kuala Lumpur dan Manama semakin dieratkan dengan dua perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh Shaikh Khalifa dan Dr Mahathir hari ini iaitu berhubung pembentukan Pusat Perdagangan dan Pengeedaran Malaysia di Bahrain dan juga pembangunan perbankan Islam.

Syarikat petroleum negara, Petronas, menandatangani dua perjanjian dengan kerajaan Bahrain iaitu berhubung penerokaan minyak dan perkongsian hasil penerokaan bagi dua buah blok di perairan sebelah timur Bahrain.

Petronas diwakili ketua pegawai eksekutif dan pengerusinya, Tan Sri Hassan Marican, manakala Menteri Minyak Bahrain Shaikh Isa Ali Khalifa menandatangani bagi pihak kerajaan Bahrain.

Petronas mendapatkan kelulusan tender berkenaan dari kerajaan Bahrain pada Jun lalu.

Mengenai Pusat Perdagangan dan Pengeedaran Malaysia di Bahrain, Syed Hamid berkata ia akan membolehkan produk Malaysia dipamer bagi tujuan pasaran bukan sahaja di Bahrain tetapi di negara-negara Teluk yang lain.

Katanya, Malaysia ingin menyaksikan kemasukan lebih ramai pelancong serta pertambahan pelaburan daripada ahli perniagaan negara-negara Teluk termasuk Bahrain.

"Mereka pula mahu kita meninjau peluang usahasama dan kerjasama dalam pelbagai bidang di negara mereka," katanya.

Syed Hamid juga mendedahkan bahawa sebuah syarikat Malaysia mungkin akan ditawarkan untuk mengurus sebuah pelabuhan di Bahrain.

Sehingga Ogos tahun ini, perdagangan dua hala antara kedua-dua buah negara mencapai RM224.8 juta dengan kelebihan kepada Bahrain.

Menjawab satu soalan, Syed Hamid berkata Shaikh Khalifa dan Dr Mahathir ada membincangkan mengenai serangan ganas 11 Sept di New York dan Washington dengan menyentuh bagaimana kejadian itu telah mengubah cara masyarakat menjalinkan kerjasama dan perniagaan.

Selepas perjumpaan di Jabatan Perdana Menteri, pemimpin Bahrain dan rombongannya dirai oleh Dr Mahathir dengan jamuan makan di kediaman rasminya di Seri Perdana.

Pagi tadi, Shaikh Khalifa telah mengadap Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin di Istana Terengganu di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

MAM AZZ MOZ